

## MSM beri jaminan bekalan gula mencukupi

Oleh Hazwan Faisal Mohamad - Jun 17, 2021 @ 6:50pm  
hazwanfaisal@mediaprima.com.my



MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM)

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) memberi jaminan bekalan gula untuk pasaran tempatan adalah mencukupi di sebalik pelaksanaan dan lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata dalam masa yang sama, MSM menjangkakan permintaan untuk komoditi itu akan terus stabil pada tahun ini.

"Kami mengalami dua kali sekatan pergerakan dan mendapati bahawa penggunaan gula kekal stabil, biarpun masih di bawah tahap sebelum COVID-19.

"Melangkah ke PKP 3.0, kami percaya bahawa penggunaan gula juga akan kekal stabil dan mencukupi," katanya pada taklimat media secara maya selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-10 syarikat itu, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi MSM, Datuk Syed Hisham Syed Wazir.

Syed Faizal berkata, lebihan kapasiti di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd akan digunakan sepenuhnya secara optimum bagi memenuhi pasaran eksport dan domestik.

Katanya, dengan penambahbaikan kapasiti bagi pengeluaran produk bernilai tambah termasuk gula cair, pra-campuran dan gula sirap, MSM Johor meluaskan lagi pasaran eksport syarikat dengan perancangan untuk berkembang ke pasaran serantau yang berpotensi.

"Ia termasuk China, Indonesia, Vietnam dan New Zealand. Selain itu, penutupan sementara operasi di MSM Johor pada April hingga Mei lalu berikutan penambahbaikan dandang yang dirancang sebelum ini sudah punlesai.

"MSM Johor kini berada pada landasan untuk mencapai sasaran pengeluaran lebih daripada 50 peratus penggunaan kapasiti (UF) pada suku ketiga ke atas tahun ini," katanya.

Mengenai kesan pemberhentian sementara operasi di MSM Prai Bhd disebabkan beberapa kes COVID-19 baru-baru ini, Syed Faizal berkata berdasarkan penilaian awal, impak daripada penutupan sementara itu terhadap hasil dan pendapatan syarikat adalah kurang daripada lima peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

"Bagaimanapun, MSM Prai dijangka memperoleh semula momentum pengeluaran secepat mungkin untuk mencapai sasaran UF sebanyak 80 peratus atau lebih tahun ini selaras dengan kebolehupayaan operasi yang kukuh di kilang berkenaan," katanya.

**AGENCY:** Berita Harian

**LINK:** <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828973/msm-beri-jaminan-bekalan-gula-mencukupi>